

**PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM EKOPELANCONGAN  
BERASASKAN KOMUNITI (CBE) DI BUKIT  
MARAGANG, KUNDASANG, SABAH**



**NEVASHINY A/P N A K KARUPPIAH**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2023**

**PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM EKOPELANCONGAN  
BERASASKAN KOMUNITI (CBE) DI BUKIT  
MARAGANG, KUNDASANG, SABAH**

**NEVASHINY A/P N A K KARUPPIAH**



**UMS**

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN  
IJAZAH SARJANA SASTERA**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2023**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL : **PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM EKOPELANCONGAN BERASASKAN KOMUNITI (CBE) DI BUKIT MARAGANG, KUNDASANG, SABAH**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **SOSIOLOGI DAN ANTROPOLOGI SOSIAL**

Saya **NEVASHINY A/P N A K KARUPPIAH**, Sesi **2020-2023**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

/

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,

---

**NEVASHINY A/P N A K KARUPPIAH**  
**MA1921134T**

---

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 29 Mei 2023

---

(Prof. Dr. Rosazman Hussin)  
Penyelia Utama

## **PENAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

9 Februari 2023

---

Nevashiny A/P N A K Karupiah  
MA1921134T



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **NEVASHINY A/P N A K KARUPPIAH**  
NO. MATRIK : **MA1921134T**  
TAJUK : **PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM EKOPELANCONGAN  
BERASASKAN KOMUNITI (CBE) DI BUKIT MARAGANG,  
KUNDASANG, SABAH**  
IJAZAH : **SARJANA SASTERA**  
BIDANG : **SOSIOLOGI DAN ANTROPOLOGI SOSIAL**  
TARIKH VIVA : **9 FEBRUARI 2023**

DISAHKAN OLEH;



UMMS  
Tandatangan  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**1. PENYELIA UTAMA**

Prof. Dr. Rosazman Hussin

---

**2. PENYELIA BERSAMA**

Dr. Marsitah Mohd Radzi


---

## PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan tanda kesyukuran kepada Tuhan kerana berkatNya saya mampu menyiapkan tesis ini dalam waktu yang telah ditetapkan. Selain itu, kesabaran yang diberikanNya dalam menghadapi masalah ketika mengutip data kajian telah berjaya saya harungi. Saya turut ingin mengucapkan terima kasih kepada Prof. Dr. Rosazman Hussin selaku penyelia saya kerana di bawah bimbingannya saya telah menyiapkan penyelidikan. Saya turut berterima kasih dan menghargai masa yang telah penyelia luangkan dalam memberi tunjuk ajar sehingga hasil penulisan saya telah berjaya disiapkan.

Saya juga tidak lupa kepada ibu-bapa saya yang telah banyak menyokong saya dalam penulisan ini. Mereka telah memberi sokongan dari semua aspek termasuk mental dan fizikal agar saya boleh melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai pelajar sepenuh masa. Saya turut memberi penghargaan kepada rakan-rakan dan senior-senior saya seperti Geetha, Dyba, Rina, Hamsah dan Andreas yang telah banyak membantu dalam menyumbang idea dan masa untuk memastikan saya berjaya dalam menyiapkan tugas. Akhirnya sekali, kepada informan-informan di Kampung Mesilou khususnya Bukit Maragang, saya ingin berterima kasih kerana memberi kerjasama dalam mendapatkan data-data untuk kajian. Sebagai kesimpulan, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menyempurnakan tesis ini dengan bagus.

Nevashiny A/P N A K Karuppiah  
9 Februari 2022



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## ABSTRAK

Ekopelancongan berasaskan komuniti (*Community Based Ecotourism* - CBE) dan penglibatan ahli komuniti adalah penting dalam konteks kajian ini untuk membangunkan sosioekonomi ahli komuniti dalam aspek pendapatan dan kerjasama antara ahli komuniti serta jaringan sosial dan memulihara alam sekitar di sesuatu lokasi ekopelancongan. Isu CBE di Bukit Maragang unik untuk dikaji kerana wujud pandangan yang berbeza berkenaan CBE dan kajian ini dilakukan dalam tempoh berlakunya COVID-19 dan PKP iaitu di antara Disember 2021 hingga Jun 2022. Kajian ini turut melihat aktiviti CBE dan tahap penglibatan komuniti dalam aktiviti ekopelancongan. Selain itu, cabaran yang dihadapi juga dikaji dalam kajian ini. Kajian ini adalah berbentuk penyelidikan deskriptif dimana fokus kajian adalah penglibatan komuniti dalam ekopelancongan berasaskan komuniti (CBE) yang dijalankan di Bukit Maragang, Kundasang, Sabah. Kajian ini menggunakan pendekatan *mixed methods* dengan kaedah seperti temu bual mendalam seramai 17 orang informan dan pemerhatian di sekitar Bukit Maragang serta Kampung Mesilou. Pengkaji juga menggunakan survei terhadap 63 ahli komuniti dalam organisasi *Maragang Hill* sebagai data sokongan serta sumber sekunder seperti data-data statistik kedatangan pelancong untuk memperkukuhkan kajian ini. Data kualitatif akan dianalisis secara tematik manakala survei dianalisis secara data statistik deskriptif. Hasil dapatan menunjukkan CBE di kawasan tersebut memberi keuntungan daripada empat jenis aktiviti yang dilaksanakan. Tahap penglibatan ahli komuniti pula dilihat aktif dalam aktiviti ekopelancongan di Bukit Maragang dan cabaran yang dihadapi oleh ahli komuniti seperti masalah kewangan berjaya diatasi serta diminimumkan kesannya. Implikasi hasil kajian terhadap polisi adalah CBE penting dalam membangunkan ekonomi dan memastikan hubungan sosial adalah erat serta menggalakkan kerjasama antara komuniti dengan '*stakeholder*' demi kelangsungan kejayaan CBE itu sendiri.

Kata kunci: Ekopelancongan, Penglibatan Komuniti, Ekopelancongan Berasaskan Komuniti (CBE)

## **ABSTRACT**

### **COMMUNITY PARTICIPATION IN COMMUNITY BASED ECOTOURISM (CBE) IN BUKIT MARAGANG, KUNDASANG, SABAH**

*Community Based Ecotourism (Community Based Ecotourism - CBE) and the involvement of community members are important in the context of this study to develop the socioeconomics of community members in terms of income and cooperation between community members as well as social networks and to conserve the environment in an ecotourism location. The issue of CBE in Bukit Maragang is unique to study because there are different views regarding CBE and this study was conducted during the period of the occurrence of COVID-19 and the MCO which is between December 2021 to June 2022. This study also looked at CBE activities and the level of community involvement in ecotourism activities. In addition, the challenges faced are also studied in this researcher's study. This study is a descriptive research where the focus of the study is community involvement in community-based ecotourism (CBE) conducted in Bukit Maragang, Kundasang, Sabah. This study uses a mixed methods approach with methods such as in-depth interviews with 17 informants and observations around Bukit Maragang and Kampung Mesilou. The researcher also used a survey of 63 community members in the Maragang Hill organization as supporting data as well as secondary sources such as statistical data on tourist arrivals to strengthen this study. Qualitative data will be analysed thematically while the survey will be analysed using descriptive statistical data. The findings show that CBE in the area benefits from the four types of activities implemented. The level of involvement of community members is seen to be active in ecotourism activities in Bukit Maragang and the challenges faced by community members such as financial problems have been successfully overcome and their effects minimized. The implications of the results of the study on policy are that CBE is important in developing the economy and ensuring that social relations are close as well as encouraging cooperation between the community and 'stakeholders' for the continued success of CBE itself.*

*Keywords: Ecotourism, Community Participation, Community Based Ecotourism*



# SENARAI KANDUNGAN

|                                   | Halaman |
|-----------------------------------|---------|
| <b>TAJUK</b>                      | i       |
| <b>PENGAKUAN</b>                  | ii      |
| <b>PENGESAHAN</b>                 | iii     |
| <b>PENGHARGAAN</b>                | iv      |
| <b>ABSTRAK</b>                    | v       |
| <b><i>ABSTRACT</i></b>            | vi      |
| <b>SENARAI KANDUNGAN</b>          | vii     |
| <b>SENARAI JADUAL</b>             | xii     |
| <b>SENARAI RAJAH</b>              | xiii    |
| <b>SENARAI FOTO</b>               | xiv     |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b>          | xv      |
| <b>SENARAI LAMPIRAN</b>           | xvi     |
| <b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b>        |         |
| 1.1 Pengenalan                    | 1       |
| 1.2 Pernyataan Masalah            | 5       |
| 1.3 Persoalan dan Objektif Kajian | 8       |
| 1.3.1 Persoalan Kajian            | 8       |
| 1.3.2 Objektif Kajian             | 8       |
| 1.4 Skop Kajian                   | 9       |
| 1.4.1 Lokasi Kajian               | 9       |
| 1.5 Kepentingan Kajian            | 11      |
| 1.6 Susunan Bab Tesis             | 12      |
| 1.7 Kesimpulan                    | 13      |

## **BAB 2 : SOROTAN LITERATUR**

|     |   |    |
|-----|---|----|
| 2.1 | Pengenalan  | 14 |
| 2.2 | Perspektif Teori  | 14 |
|     | 2.2.1 Teori Pembangunan Ekopelancongan Mapan                          | 14 |
|     | 2.2.2 Tipologi Penyertaan Komuniti Oleh Pretty, 1995                  | 16 |
|     | 2.2.3 Teori Modal Sosial  | 19 |
| 2.3 | Konsep Utama Kajian   | 24 |
|     | 2.3.1 Aktiviti Ekopelancongan   | 24 |
|     | 2.3.2 Komuniti Setempat   | 25 |
|     | 2.3.3 Ekopelancongan Berasaskan Komuniti ( <i>CBE</i> )               | 26 |
|     | 2.3.4 Pemandu Pelancong ( <i>Tour Guide</i> )                         | 26 |
| 2.4 | Ulasan Kajian Lepas   | 27 |
|     | 2.4.1 Ulasan Tentang Kajian <i>CBE</i>                                | 27 |
|     | 2.4.2 Ulasan Tentang Penglibatan Ahli Komuniti                        | 29 |
|     | 2.4.3 Ulasan Tentang Cabaran Oleh Ahli Komuniti dan <i>Tour Guide</i> | 35 |
| 2.5 | Jurang Kajian Lepas Berbanding Kajian Ini                             | 38 |
| 2.6 | Kesimpulan  | 39 |

## **BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN**

|     |  |    |
|-----|--|----|
| 3.1 | Pengenalan   | 41 |
| 3.2 | Metodologi Kajian  | 41 |
|     | 3.2.1 Pendekatan <i>Mixed Methods</i>                                | 41 |
| 3.3 | Pendekatan <i>Mixed Methods</i> Melalui Kajian Kes di Bukit Maragang | 43 |
| 3.4 | Pelaksanaan Kajian di Bukit Maragang                                 | 45 |
|     | 3.4.1 Populasi dan Persampelan Kajian                                | 46 |

|       |                           |    |
|-------|---------------------------|----|
| 3.4.2 | Kaedah Kutipan Data       | 47 |
| 3.5   | Kajian Rintis             | 53 |
| 3.6   | Analisis Data             | 54 |
| 3.6.1 | Analisis Data Kualitatif  | 55 |
| 3.6.2 | Analisis Data Kuantitatif | 59 |
| 3.7   | Kesimpulan                | 60 |

#### **BAB 4 : LATAR BELAKANG KAJIAN, PROFIL INFORMAN DAN RESPONDEN**

|       |   |    |
|-------|---|----|
| 4.1   | Pengenalan  | 61 |
| 4.2   | Latar Belakang Mukim Kundasang                              | 61 |
| 4.3   | Latar Belakang Kampung Mesilou dan Bukit Maragang           | 63 |
| 4.4   | Hubungan Organisasi Sosial yang Wujud Dalam Kampung Mesilou | 65 |
| 4.5   | Profil Informan   | 71 |
| 4.5.1 | Ketua Kampung Mesilou                                       | 71 |
| 4.5.2 | Pengurus Bukit Maragang                                     | 72 |
| 4.5.3 | <i>Guide-guide</i> Bukit Maragang                           | 72 |
| 4.5.4 | Ahli Persatuan-Persatuan Dalam Kampung                      | 72 |
| 4.5.5 | Pelancong   | 73 |
| 4.6   | Profil Responden  | 74 |
| 4.7   | Kesimpulan  | 78 |

#### **BAB 5 : AKTIVITI EKOPELANCONGAN DAN TAHAP PENGLIBATAN AHLI KOMUNITI DI BUKIT MARAGANG**

|     |   |    |
|-----|---|----|
| 5.1 | Pengenalan  | 82 |
| 5.2 | Dapatan 1 : Aktiviti Ekopelancongan Berasaskan Komuniti (CBE) di Bukit Maragang | 82 |

|   |   |     |
|---|---|-----|
| 5.2.1   | Mendaki Bukit Maragang  | 82  |
| 5.2.2   | Berkhemah   | 85  |
| 5.2.3   | Melihat Bintang di Waktu Malam ( <i>Stargazing</i> )  | 86  |
| 5.2.4   | <i>Hiking</i> Sambil Mempelajari Flora dan Fauna  | 87  |
| 5.3   | Tugas dan Tanggungjawab <i>Guide</i> Berkaitan Aktiviti <i>Maragang Hill Trekking</i>       | 90  |
| 5.3.1   | Maklumat Tambahan   | 91  |
| 5.3.2   | Taklimat Keselamatan  | 91  |
| 5.3.3   | Memberi Informasi Tentang Flora dan Fauna   | 92  |
| 5.3.4   | Peraturan Hiking  | 93  |
| 5.4   | Dapatan 2 : Tahap Penglibatan Ahli Komuniti Dalam Aktiviti Ekopelancongan di Bukit Maragang | 94  |
| 5.4.1   | Penglibatan Ahli Komuniti Adalah Aktif  | 94  |
| 5.4.2   | Hubungan Silaturahim yang Erat  | 96  |
| 5.4.3   | Peluang Pekerjaan Baru Melalui Aktiviti Ekopelancongan                                      | 99  |
| 5.4.4   | Pengetahuan dan Kemahiran Sebagai Pemandu Pelancong ( <i>Tourist Guide</i> )                | 101 |
| 5.5   | Perbincangan Penemuan Hasil Kajian  | 103 |
| 5.5.1   | Aktiviti Ekopelancongan Berasaskan Komuniti (CBE) di Bukit Maragang                         | 103 |
| 5.5.2   | Tahap Penglibatan Ahli Komuniti dalam Aktiviti Ekopelancongan di Bukit Maragang             | 104 |
| 5.6   | Kesimpulan  | 105 |
| <br><b>BAB 6 : CABARAN YANG DIHADAPI OLEH AHLI KOMUNITI DALAM AKTIVITI EKOPELANCONGAN BERASASKAN KOMUNITI (CBE) DI BUKIT MARAGANG</b> |   |     |
| 6.1   | Pengenalan  | 107 |
| 6.2   | Dapatan 3 : Cabaran yang dihadapi Oleh Ahli Komuniti  | 107 |

|                        |  |     |
|------------------------|--|-----|
| 6.2.1                  | Masalah Kewangan dan Elaun   | 107 |
| 6.2.2                  | Sifat dan Karenah Pelancong yang Pelbagai  | 110 |
| 6.2.3                  | Sistem Pengurusan Aktiviti Ekopelancongan<br><i>Maragang Hill</i> Perlu Lebih Sistematik         | 112 |
| 6.2.4                  | Masalah Bahasa Semasa Berkomunikasi<br>Dengan Pelancong Dari Luar Negara                         | 117 |
| 6.3                    | Perbincangan Penemuan Hasil Kajian   | 119 |
| 6.4                    | Penglibatan Ahli Komuniti Pasca Covid-19 Dalam<br>Aktiviti Ekopelancongan di Bukit Maragang      | 120 |
| 6.5                    | Kesimpulan   | 122 |
| <br>                   |  |     |
| <b>BAB 7 : PENUTUP</b> |  |     |
| 7.1                    | Pengenalan   | 124 |
| 7.2                    | Ringkasan Penemuan Kajian  | 124 |
| 7.3                    | Implikasi dan Sumbangan Penemuan Kajian<br>Terhadap Teori, Konsep dan Polisi                     | 127 |
|                        | 7.3.1 Implikasi dan Sumbangan Terhadap Teori   | 127 |
|                        | 7.3.2 Implikasi dan Sumbangan Terhadap Konsep  | 128 |
|                        | 7.3.3 Implikasi dan Sumbangan Terhadap Polisi  | 128 |
|                        | 7.3.4 Cadangan Mengatasi Cabaran yang dihadapi<br>Oleh Ahli Komuniti Berdasarkan Penemuan Kajian | 129 |
| 7.4                    | Limitasi Kajian  | 131 |
| 7.5                    | Kerangka Konsep Penemuan Kajian  | 132 |
| 7.6                    | Cadangan Kajian Masa Depan   | 132 |
| 7.7                    | Kesimpulan   | 133 |
| <br>                   |  |     |
| <b>RUJUKAN</b>         |  | 135 |
| <br>                   |  |     |
| <b>LAMPIRAN</b>        |  | 145 |

## SENARAI JADUAL

|   | Halaman |
|---|---------|
| Jadual 2.1: Tipologi Penyertaan Komuniti, Pretty (1995)   | 17      |
| Jadual 3.1: Senarai Informan  | 50      |
| Jadual 3.2: Nilai <i>Alpha Cronbach</i>   | 54      |
| Jadual 4.1: Statistik Kedatangan Pendaki <i>Maragang Hill</i> , 2017-2022                         | 63      |
| Jadual 4.2: Profil Responden  | 74      |
| Jadual 5.1: Aktiviti <i>CBE</i> di Bukit Maragang dan Kadar Bayaran                               | 90      |
| Jadual 5.2: Penglibatan Ahli Komuniti adalah Aktif  | 96      |
| Jadual 5.3: Hubungan Silaturahim yang Erat  | 98      |
| Jadual 5.4: Peluang Pekerjaan Baru Melalui Aktiviti Ekopelancongan                                | 100     |
| Jadual 5.5: Pengetahuan Dan Kemahiran Sebagai Pemandu Pelancong ( <i>Tourist Guide</i> )          | 102     |
| Jadual 6.1: Sistem Pengurusan Aktiviti Ekopelancongan <i>Maragang Hill</i> Perlu Lebih Sistematik | 115     |
| Jadual 6.2: Masalah Bahasa Semasa Berkomunikasi Dengan Pelancong                                  | 118     |

## SENARAI RAJAH

|   | Halaman |
|---|---------|
| Rajah 1.1: Peta Sekitar Mesilou, Kundasang                                    | 11      |
| Rajah 2.1: Elemen Modal Sosial  | 21      |
| Rajah 2.2: Elemen Modal Sosial Mengikut Putnam dan Kategori yang Dikenalpasti | 23      |
| Rajah 2.3: Kerangka Awal Konsep Kajian  | 39      |
| Rajah 3.1: Langkah Analisis Tematik   | 56      |
| Rajah 3.2: Langkah Analisis Data Kualitatif                                   | 57      |
| Rajah 4.1: Peta Sekitar Mesilou, Kundasang                                    | 62      |
| Rajah 4.2: Peta Kampung Mesilou   | 64      |
| Rajah 4.3: Carta Hubungan Organisasi Sosial                                   | 65      |
| Rajah 4.4: Carta Aliran Hubungan Organisasi Sosial                            | 71      |
| Rajah 4.5: Jantina Responden  | 75      |
| Rajah 4.6: Tahap Pekerjaan Responden  | 76      |
| Rajah 4.7: Tahap Pendidikan Responden   | 77      |
| Rajah 7.1: Kerangka Konsep Penemuan Kajian                                    | 132     |

## SENARAI FOTO

|   | Halaman |
|---|---------|
| Foto 4.1: Pengkaji Bersama Ahli Maragang                              | 78      |
| Foto 4.2: Pengkaji Bersama Ketua Kampung dan JPKK                     | 79      |
| Foto 4.3: Pengkaji Bersama Pengurus MEVOC                             | 79      |
| Foto 4.4: Pengkaji Bersama <i>Guide-guide</i> Maragang                | 80      |
| Foto 4.5: Pengkaji Bersama <i>Guide</i>                               | 80      |
| Foto 4.6: Pengkaji Bersama Pelancong                                  | 81      |
| Foto 5.1: Pengkaji di Puncak Bukit Maragang                           | 84      |
| Foto 5.2: Fasiliti Tandas di Puncak Bukit Maragang                    | 86      |
| Foto 5.3: Pendaki dengan Pemandangan <i>stargazing</i>                | 87      |
| Foto 5.4: Flora-flora yang Ada di Sekitar <i>Trail</i> Bukit Maragang | 88      |
| Foto 5.5: Tumbuhan Periuk Kera yang Masih Kecil                       | 88      |
| Foto 5.6: Buah Jambu Asam, Makanan Kepada Tupai                       | 89      |



## SENARAI SINGKATAN

|              |   |  |
|--------------|---|--|
| <b>CBE</b>   | - | <i>Community Based Ecotourism</i>                |
| <b>CBT</b>   | - | <i>Community-Based Tourism</i>                   |
| <b>JPKK</b>  | - | Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung |
| <b>KDNK</b>  | - | Keluaran Dalam Negara Kasar                      |
| <b>META</b>  | - | <i>Mesilou Ecotourism Association</i>            |
| <b>MEVOC</b> | - | <i>Mesilou Volunteer Club</i>                    |
| <b>MOTAC</b> | - | <i>Ministry of Tourism</i>                       |
| <b>RMK9</b>  | - | Rancangan Malaysia Ke-9                          |
| <b>SDG</b>   | - | <i>Sustainable Development Goals</i>             |
| <b>STB</b>   | - | Statistik Lembaga Pelancongan Sabah              |
| <b>SPSS</b>  | - | <i>Statistical Package For Social Science</i>    |
| <b>SOP</b>   | - | Prosedur Operasi Standard                        |
| <b>TIES</b>  | - | Persatuan Ekopelancongan Antarabangsa            |
| <b>WHO</b>   | - | Pertubuhan Kesihatan Sedunia                     |

## SENARAI LAMPIRAN

|  | Halaman |
|--|---------|
| Lampiran A : Gambar Bersama <i>Guide</i> Bukit Marang                  | 145     |
| Lampiran B : Menemubual <i>Guide</i> Bukit Marang                      | 146     |
| Lampiran C : Bersama Pengurus Persatuan <i>Mesilou Atamis Homestay</i> | 148     |
| Lampiran D : Pengkaji Bersama Pelancong di Pejabat Marang              | 149     |
| Lampiran E : Pengkaji di Trail Bukit Marang                            | 150     |
| Lampiran F : Papan Tanda Puncak Bukit Marang                           | 151     |
| Lampiran G : Persekitaran Kampung Mesilou                              | 152     |
| Lampiran H : Suasana Mesyuarat di Kampung Mesilou                      | 153     |
| Lampiran I : Soalan Panduan Temubual                                   | 154     |
| Lampiran J : Borang Soal Selidik                                       | 164     |
| Lampiran K : Contoh Transkrip  | 169     |

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Pelancongan merupakan industri di bawah perkhidmatan di mana ia merupakan intensif buruh dan salah satu impak utama pembangunan pelancongan ialah penciptaan pekerjaan (Pearce, 1989). Di negara kita Malaysia, sektor sub pelancongan berada di bawah sektor perkhidmatan yang dilihat memberi sumbangan ketiga (3) terbesar dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) selepas sektor pembuatan dan pembinaan (Norlida, 2011). Pelancongan mahupun ekopelancongan dilihat telah menyediakan sebanyak 2 juta pekerjaan pada tahun 2010 (Norlida, 2011). Menurut Statistik Lembaga Pelancongan Sabah (STB) pada Januari hingga Disember 2019, Sabah mencatatkan 4,195,903 jumlah pelancong dengan anggaran penerimaan sebanyak RM9.0 bilion.

Industri pelancongan di Malaysia khususnya Sabah dilihat semakin mendapat sambutan dan keuntungan yang tinggi. Sektor pelancongan ini telah berfungsi sebagai penjana hasil pendapatan negara. Sektor pelancongan memberi keuntungan kepada negara oleh kerana adanya aliran keluar masuk pelancong asing. Perkara ini telah membawa sektor pelancongan sebagai antara sektor utama negara dalam pembangunan masa depan.

Apabila sekatan perjalanan bagi membendung penularan COVID-19 yang telah diisytiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 31 Januari 2020, ia telah mempengaruhi prestasi pelancongan Malaysia pada tahun tersebut. Hal ini membawa kepada kejatuhan sebanyak 71.2% berbanding tahun 2019.

Menurut Dato Sri Dr. Mohd Uzir, sumbangan pelancongan langsung kepada ekonomi negara (TDGDP) terjejas teruk tetapi sektor pelancongan pada tahun 2020 masih mampu menyerap tekanan tinggi daripada permintaan yang lemah. Usaha menggiatkan aktiviti pelancongan domestik menjadi fokus dalam memulihkan sektor pelancongan negara. MOTAC (Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya) telah beralih ke pasaran domestik dengan pembukaan gelembung pelancongan (*travel bubble*) dengan prosedur operasi standard (SOP) yang khusus dimana Pulau Langkawi dipilih sebagai projek rintis sementara menunggu pembukaan semula sempadan negara untuk pelancong antarabangsa (Akaun Satelit Pelancongan Malaysia, 2020).

Dalam Agenda 2030 untuk *Sustainable Development Goals (SDG)* matlamat ke-12 iaitu *Ensure Sustainable Consumption and Production Patterns* telah menyasarkan menjelang 2030, merangka dan melaksanakan dasar untuk mempromosikan pelancongan mampan yang mencipta pekerjaan dan mempromosikan budaya dan produk tempatan. Kepentingan ini turut ditekankan dalam sasaran SDG 12.b yang bertujuan sebagai alat untuk memantau kesan pembangunan mampan untuk pelancongan mampan. Di samping itu, pelancongan juga dikenalpasti sebagai salah satu alat untuk meningkatkan faedah ekonomi kepada negara-negara membangun dan negara-negara kurang maju (*Sustainable Development Goals*). Pernyataan ini juga disokong oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNWTO) dalam laman sesawang Pertubuhan Pelancongan Dunia di mana, pelancongan untuk SDG boleh membantu dalam mencapai setiap satu daripada 17 matlamat pembangunan mampan PBB. Sebagai contoh, dalam matlamat pertama, pelancongan akan memberi peluang pekerjaan, ia akan membantu mewujudkan pekerjaan di peringkat tempatan dan seterusnya menjana pendapatan untuk mengurangkan kemiskinan dan mewujudkan pelaburan yang diperlukan untuk aktiviti keusahawanan dalam komuniti.

Oleh itu, dengan melihat kepada Agenda 2030 tentang *Sustainable Development Goals (SDG)*, ekopelancongan berasaskan komuniti (*CBE*) membawa banyak manfaat kepada ahli komuniti khususnya yang berfokus kepada ekopelancongan di kawasan mereka. Agenda 2030 ini amat penting kerana ia

merupakan antara dasar yang membantu dan menyokong (*CBE*) dalam kalangan komuniti luar bandar untuk kelangsungan hidup.

Ekopelancongan didefinisikan sebagai pelancongan yang berasaskan alam semulajadi dan mempunyai nilai yang cukup untuk digunakan tanpa menjejaskan sumber asalnya. Tokoh seperti Goodwin (1996) menyatakan bahawa:

*"pelancongan semulajadi berimpak rendah yang menyumbang kepada penyelenggaraan spesis dan habitat sama ada secara langsung melalui pemuliharaan dan tanpa langsung iaitu dengan menyediakan pendapatan yang mencukupi kepada masyarakat setempat untuk mereka menilai dan seterusnya melindungi kawasan warisan hidupan liar sebagai sumber pendapatan mereka.*

(Goodwin, 1996)

Ekopelancongan merupakan pendekatan yang mengurangkan kesan negatif dan menguatkan impak positif terhadap pelancongan semulajadi. Persatuan Ekopelancongan Antarabangsa (TIES) (1993), mendefinisikan ekopelancongan sebagai satu perjalanan yang bertanggungjawab untuk kawasan semulajadi yang memulihara alam sekitar dan meningkatkan kebajikan rakyat tempatan. Terma *Community-Based Ecotourism* diperluaskan bentuknya dan didefinisikan sebagai ekopelancongan dimana, komuniti setempat mempunyai kawalan yang ketara dan penglibatan yang mendalam dari aspek pembangunan, pengurusan dan sebahagian besar manfaatnya kekal dalam komuniti (Deklarasi Quebec, 2002).

Selain itu, menurut Mitchell dan Reid (2001) dalam konteks ekopelancongan, persekitaran akan terpelihara dengan penglibatan komuniti setempat kerana komuniti dikatakan lebih mempunyai kesedaran dengan alam sekitar, di mana perlu dibangunkan selaras dengan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pelancongan. Dalam *CBE*, kemampunan merangkumi hubungan yang saling mengukuhkan antara pemuliharaan alam sekitar, mata pencarian komuniti tempatan dan pemeliharaan budaya. Ia adalah sejenis hubungan yang memberi manfaat kepada tiga-tiga aspek tersebut (Reimer & Walter, 2013).

Ekopelancongan di Malaysia pada masa kini mempunyai kaitan rapat dengan pelancongan lestari. Pelancongan lestari membawa maksud sumber-sumber pelancongan semulajadi termasuk ekopelancongan, kebudayaan dan lain-lain yang dipelihara untuk penggunaan berterusan pada masa akan datang tanpa menjejaskan peluang masyarakat masa kini untuk mendapat manfaatnya (Mohmadisa Hashim & Mohamad Suhaily, 2010). Oleh itu, ekopelancongan merupakan sejenis aktiviti pelancongan yang berterusan memulihara, menyediakan pelbagai kemudahan di kawasan yang mempunyai tarikan pelancong melalui pemodenan infrastruktur fizikal dan sosial di kawasan tersebut sehingga menyumbang kepada pendapatan negara di samping meningkatkan taraf hidup komuniti tempatan (Murphy, 1985). Perlunya penyusunan institusi operasi berhubung dengan ekopelancongan yang dibangunkan oleh masyarakat. Ia adalah penting untuk masyarakat berkongsi faedah yang diperolehi melalui pembangunan dan pemuliharaan kampung. Peranan kerajaan adalah untuk memastikan cadangan tersebut berjalan lancar dengan mengadakan pengaturan antara ahli masyarakat dengan sektor swasta serta menyediakan latihan berkaitan perniagaan ekopelancongan (Amat Ramsa & Abdullah Mohd, 2004).

Penyelidik di Malaysia telah mula memberi penekanan kepada kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh penguasa dalam ekopelancongan. Kajian juga menyatakan kumpulan etnik yang berlainan turut mempengaruhi organisasi, budaya sesuatu kerja dan pekerja hospitaliti dalam industri pelancongan (Shardy et al., 2008). Menurut kajian Amal Najihah et al. (2018), kebanyakan komuniti tempatan dan pihak yang berkepentingan di Malaysia tidak memahami potensi ekopelancongan lestari yang boleh membawa manfaat kepada mereka pada masa kini dan akan datang.

Hal ini berlaku kerana kurangnya kesedaran dalam kalangan mereka tentang kegunaan tanah yang memberi impak kepada alam semulajadi. Perkara ini boleh dilihat apabila sedikit penilaian dilakukan terhadap potensi ekopelancongan dan kekurangan motivasi dalam kalangan komuniti untuk membangunkan kawasan tersebut ke arah kemudahan yang dinaiktarafkan, pengangkutan dan pembangunan infrastruktur.

Dalam tempoh satu dekad yang lalu, Sabah telah melalui pengalaman yang sangat memberangsangkan dalam industri pelancongan apabila merekodkan peningkatan bilangan pelancong yang sampai ke negeri bawah bayu (Duini, 2010). Ekopelancongan berasaskan komuniti di Sabah turut berkembang seiring dengan perkembangan di Semenanjung Malaysia. Sabah merupakan antara negeri di Malaysia yang mempunyai banyak kumpulan etnik dan budaya serta cara hidup yang berbeza-beza. Hal ini sangat menarik perhatian pelancong dari luar untuk mempelajari dan merasai kehidupan etnik-etnik tersebut. Di samping itu, aktiviti ekopelancongan berasaskan komuniti (CBE) yang ditawarkan dapat membantu ahli komuniti meningkatkan taraf hidup mereka. Selain daripada aktiviti ekopelancongan, pelancong turut boleh membeli produk-produk tempatan hasil buatan komuniti tersebut.

Banyak kajian berkaitan CBE dan pelancongan dikaji oleh pengkaji-pengkaji sehingga kini. Sebagai contoh kajian Rosazman Hussin (2006), beliau menyatakan projek ekopelancongan berasaskan komuniti perlu dititikberatkan oleh kerajaan Sabah agar mampu mencapai *sustainable development* atau *sustainable community development* seperti yang dihuraikan oleh pengkaji-pengkaji dalam kajian mereka. Selain itu, Kersten (1997), menyatakan promosi tentang ekopelancongan di Sabah adalah berkait dengan pemuliharaan biodiversiti khususnya di taman-taman negara dan tempat perlindungan hidupan liar, tetapi ia masih kurang dari segi mempromosikan ekopelancongan berasaskan komuniti.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Pelancongan berasaskan komuniti (CBT) merupakan pembangunan dimana keperluan sosial, alam sekitar dan ekonomi komuniti dipenuhi melalui penawaran produk-produk pelancongan (Goodwin & Santilli, 2009). Selain itu, Goodwin dan Santilli (2009), turut menambah bahawa majoriti syarikat pelancongan dibangunkan berasaskan komuniti adalah mereka yang memiliki *homestay*. Hal ini membawa maksud bahawa komuniti merupakan pembuat keputusan dan mempunyai kuasa untuk menguruskan produk mereka sendiri serta memberi manfaat kepada pelancong. *Community-Based Ecotourism* (CBE) telah diistilahkan dengan pelbagai

maksud sehingga Fennell (2001), berjaya menganalisis bahawa terma CBE yang mempunyai kata kunci seperti pemuliharaan, pendidikan, etika, kelestarian, impak dan manfaat komuniti merupakan pemboleh ubah yang baik untuk mewakili kajian-kajian terbaharu. Ini disokong oleh Giampiccoli dan Saayman (2014), definisi ekopelancongan terkini memerlukan orientasi sosial dan mampu untuk mengekalkan kesejahteraan komuniti. CBE dilihat sejajar dengan alam sekitar dan kemapanan manakala CBT lebih kepada aspek dari segi sosial dan ekonomi.

Konsep CBE telah menjadi isu dalam kajian ini kerana wujud dua pandangan yang berlainan tentang CBE oleh Fennell (2001). CBE ialah bagaimana ia dikuasai oleh ahli komuniti dan dijalankan oleh ahli komuniti sendiri tetapi dalam menjalankannya wujud kerjasama yang kuat dan lemah. Dalam situasi yang tidak mempunyai kerjasama antara komuniti akan melemahkan penglibatan mereka tetapi dalam situasi yang lain, ahli komuniti yang mempunyai kerjasama yang kuat akan mengukuhkan lagi penglibatan antara ahli komuniti. Sehubungan dengan itu, dalam kes kajian ini di Mesilou, pengkaji meninjau faktor penglibatan dan kerjasama kuat mahupun lemah antara ahli komuniti untuk meninjau konsep CBE dengan lebih lanjut dan teliti. Kerana misalnya dalam kajian Raihan, Rosazman & Afrizal (2018), beliau tidak membincangkan dengan mendalam isu kekuatan dan kelemahan penglibatan ahli komuniti dalam ekopelancongan di kawasan ini.

Pertama CBE dilihat memberi manfaat kepada ahli komuniti setempat. Hal ini kerana, ahli komuniti akan mendapat keuntungan ekonomi melalui pekerjaan berkemahiran rendah seperti bekerja dalam sektor ekopelancongan. Sebagai contoh, menjadi *guide* atau pemandu pelancong dan kerja-kerja membersih sekitar kawasan ekopelancongan. Kedua selain memberi manfaat, namun CBE dilihat tidak berkembang. Menurut Fennell (2001), ekopelancongan dilihat memberi manfaat kepada komuniti setempat tetapi lebih dari separuh definisi yang diberi iaitu bersamaan (51.8%) tidak menyatakan bahawa ekopelancongan berkait dengan manfaat kepada komuniti setempat. Penyertaan komuniti adalah terbatas dalam proses pembangunan. Di sini dapat diertikan bahawa pihak luar tidak memperkasa penglibatan ahli komuniti. Perkara ini mendapat sokongan daripada Pelan Ekopelancongan Kebangsaan (2016-2025) oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (2016). Konsep pembangunan lestari telah digunakan oleh pihak